

Berikutan perubahan sempadan Cawangan jadi

Oleh Kamal Ahmad dan Izman Ismail

BH 17 MAY 1994

pilihan raya penaja

KUALA LUMPUR, Isnin — Status semua 35,000 cawangan dan 153 bahagian Umno di seluruh negara bertukar menjadi penaja mulai 1 Julai ini berikutan perubahan kawasan pilihan raya Parlimen yang diluluskan oleh Dewan Rakyat 25 April lalu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata status itu juga membabitkan semua cawangan serta bahagian Pemuda dan Wanita Umno, berkuatkuasa sehingga tarikh yang belum ditetapkan.

Setakat ini, ada 15,000 cawangan Umno dan masing-masing 10,000 cawangan Pemuda serta Wanita Umno di seluruh negara, dengan keahlian kira-kira 2.1 juta orang.

Menurut Perdana Menteri, perubahan persemipadanan baru kawasan pilihan raya Parlimen mempengaruhi kedudukan Umno di peringkat cawangan dan bahagian yang memerlukan penyesuaian semula parti.

"Pengerusi Perhubungan Umno Negeri akan membuat cadangan mengenai jawatankuasa penaja bahagian termasuk 12 bahagian yang baru diwujudkan, kepada Jawatankuasa Pengurusan.

"Bagi jawatankuasa penaja pemuda dan wanita bahagian, masing-masing akan dicadangkan oleh Ketua Pemuda Negeri dan Ketua Wanita Negeri kepada Ketua Pemuda Umno dan Ketua Wanita Umno.

"Selepas itu, semua cadangan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan sebelum dibincangkan dengan Presiden dan dibentangkan kepada Majlis Ter-

tinggi (MT) untuk diputuskan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di sini hari ini.

Berikutan pertambahan 12 kawasan baru persemipadanan pilihan raya itu, ada 165 kawasan Parlimen di Semenanjung dan Sabah. Kawasan baru itu masing-masing satu di Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang; dua di Johor dan tiga masing-masing di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, perlantikan jawatankuasa penaja itu selaras dengan Fasal 13 Perlembagaan Umno. Ketua Perhubungan Umno negeri diberi tempoh pada atau sebelum 15 Jun ini untuk mengemukakan cadangan jawatankuasa penaja bahagian.

Beliau berkata, MT Umno memutuskan supaya bahagian baru Umno tidak perlu mengadakan pemilihan jawatankuasa sehingga pilihan raya umum diadakan selewat-lewatnya Disember 1995.

Bagaimanapun katanya, bahagian parti berhak menghantar wakil ke mesyuarat agung Umno yang dijadual pada 17 hingga 20 November ini.

Menurutnya, struktur jawatankuasa cawangan terus kekal selepas tempoh penajaan tamat tetapi struktur jawatankuasa bahagian berubah berikutan sebahagian daripada cawangan terpaksa dipecahkan dari bahagian asal.

Mengenai yuran tahunan 1993, Presiden Umno berkata, ia boleh dibayar selewat-lewatnya pada 31 Mei ini.